

BANK ISLAM TERBITKAN TRANCHE KESEMBILAN SUKUK KANAN MURABAHAH RM1.0 BILION

Terbitan di bawah Program Sukuk Murabahah Bank RM10.0 bilion

KUALA LUMPUR, Selasa, [29 Julai 2025] – Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) telah berjaya menerbitkan RM1.0 bilion Sukuk Kanan Murabahah di bawah Program Sukuk Kanan Murabahah RM10.0 bilion dalam nilai nominal (Program Sukuk Murabahah) pada 25 Julai 2025.

Penerbitan Sukuk Kanan Murabahah telah menerima sambutan memberangsangkan daripada pelabur dengan nisbah bidaan tinggi kepada terbitan sebanyak tiga (3) kali ganda. Sukuk Kanan Murabahah menerima penarafan AA3/stabil oleh RAM Ratings Services Bhd dan telah berjaya menetapkan kadar keuntungan kompetitif 3.85% setahun untuk tempoh tujuh (7) tahun.

Keuntungan daripada penerbitan ini akan membiayai aktiviti perbankan Bank Islam, keperluan modal kerja dan tujuan korporat lain. Penggunaan hasil di bawah Program Sukuk Murabahah juga patuh Syariah.

Bank Islam merupakan Penasihat Utama, Pengatur Utama, Pengurus Utama dan Penasihat Syariah bagi Program Sukuk Murabahah.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.